



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN**

PEPERIKSAAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK

SITE SAFETY SUPERVISOR EXAMINATION

KERTAS 2 (BAHAGIAN B)
PAPER 2 (PART B)

GARIS PANDUAN PEMBENTANGAN
PRESENTATION GUIDELINES



ARAHAH:

CALON DIKEHENDAKI MEMBACA ARAHAH DI BAWAH DENGAN TELITI DAN MENGIKUTI SEMUA ARAHAH.

GARIS PANDUAN PEMBENTANGAN

1. Topik pembentangan

1.1 Calon boleh memilih mana-mana topik pembentangan seperti senarai di bawah.

NO.	TOPIK
1.	Aktiviti Pengurusan Trafik
2.	Aktiviti Kerja Cerucuk
3.	Aktiviti Kerja Konkrit
4.	Aktiviti Kerja Pendawaian Elektrik / Kerja Elektrik
5.	Aktiviti Kerja Kimpalan
6.	Aktiviti Kerja di Tempat Tinggi
7.	Aktiviti Kerja Pengorekan
8.	Aktiviti Kerja Perobohan
9.	Aktiviti Kerja Mengangkat Menggunakan Kren
10.	Aktiviti Kerja di Ruang Terkurung

1.2 Calon mengulang perlu mengemaskini slaid pembentangan menggunakan topik yang sama.

2. Slaid pembentangan

2.1 Slaid pembentangan dengan topik yang dipilih mestilah mengandungi:

- i. Taklimat keselamatan berdasarkan topik pembentangan;
- ii. Pengenalan topik pembentangan;
- iii. Objektif pembentangan;
- iv. Pengurusan Risiko/ Pengenalpastian Hazard dan Kawalan Risiko (*Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC));
- v. Kesimpulan; dan
- vi. Rujukan.



-
- 2.2 HIRARC yang dipilih perlu dibentangkan dengan menyeluruh merangkumi aspek keselamatan dan kesihatan. Rujukan : Garis Panduan HIRARC 2008 di laman sesawang JKKP.
 - 2.3 Slaid pembentangan ini hendaklah disediakan dalam bentuk **Microsoft PowerPoint** versi 2013 dan ke atas sahaja.
 - 2.4 Pastikan slaid pembentangan adalah kemas, boleh dibaca oleh Panel Penilai dan boleh dipancarkan dengan baik.

3. Pembentangan

- 3.1 Calon hanya dibenarkan menggunakan laptop atau komputer desktop sahaja bagi sesi pembentangan.
- 3.2 Calon perlu memastikan berada di persekitaran di mana calon tidak akan terganggu. Sila pastikan calon berseorangan ketika sesi peperiksaan secara dalam talian sedang berlangsung.
- 3.3 **Tempoh masa sesi pembentangan adalah selama 10 minit.**
- 3.4 Sesi pembentangan adalah secara dalam talian melalui aplikasi Zoom atau mana-mana aplikasi bersesuaian yang akan ditetapkan oleh Pusat Peperiksaan LPKKP.
- 3.5 Calon perlu bersedia 30 minit awal dari jadual di Slip Peperiksaan yang dikeluarkan.
- 3.6 Pengawas akan memberikan arahan atau membunyikan loceng 1 kali untuk memulakan pembentangan.
- 3.7 Pengawas akan memberikan simbol “tangan” 2 kali dalam aplikasi Zoom atau membunyikan loceng 2 kali bagi menandakan masa pembentangan berbaki 2 minit.
- 3.8 Pengawas akan memberikan simbol “tangan” 3 kali dalam aplikasi Zoom atau membunyikan loceng 3 kali bagi menandakan masa pembentangan telah tamat 10 minit.



4. Sesi Soal dan Jawab

4.1 **Tempoh masa sesi soal dan jawab adalah selama 10 minit.**

4.2 Pengawas akan memberikan simbol “tangan” 1 kali dalam aplikasi Zoom atau membunyikan loceng 1 kali bagi menandakan bermula sesi soal dan jawab.

4.3 Pengawas akan memberikan simbol “tangan” 2 kali dalam aplikasi Zoom atau membunyikan loceng 2 kali bagi menandakan masa sesi soal dan jawab telah tamat 10 minit.

4.4 Calon perlu mencatat cadangan atau pindaan yang perlu dibuat.

5. Skema Pemarkahan

NO.	PERKARA YANG DINILAI	MARKAH
A.	KEMAHIRAN PEMBENTANGAN LAPORAN	
1.	Taklimat keselamatan	6
2.	Pengenalan dan objektif topik	8
3.	Pengetahuan tentang topik pembentangan	16
4.	Pentaksiran risiko (HIRARC)	20
5.	Pengetahuan perundangan	10
6.	Pengetahuan tanggungjawab dan peranan SSS	8
7.	Penyampaian dan keyakinan diri	4
8.	Nada (suara dan volum)	4
9.	Kesimpulan, Bahan pembentangan & Bahan rujukan yang disertakan	4
B.	KEMAHIRAN MENJAWAB SOALAN	
1.	Soalan berkaitan kefahaman topik	20
JUMLAH MARKAH		100

6. Sesi *familiarisation*.

6.1 Calon digalakkan hadir sesi *familiarisation* Kertas 2B (Pembentangan) bagi setiap sesi peperiksaan.

6.2 Tarikh sesi *familiarisation* akan diberi melalui mesej di aplikasi Telegram. Makluman link Telegram Peperiksaan SSS akan diberi melalui SMS.



7. Perakuan calon

- 7.1 Slaid pembentangan perlu berdasarkan hasil kerja calon sendiri berdasarkan topik yang dipilih.
- 7.2 Calon diingatkan untuk tidak meniru atau melakukan plagiat. Penilai berhak menggagalkan calon sekiranya calon didapati berbuat demikian.
- 7.3 Calon yang didapati terlibat dalam Salah Laku Peperiksaan akan dikenakan tindakan di bawah Jawatankuasa Kompetensi SSS dan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) serta boleh digantung sehingga dua (2) tahun dari menduduki peperiksaan.